

PETALING JAYA, 25 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TIDAK MAHU PENGURUSAN KOPERASI DI NEGARA INI DICAMPURADUKKAN DENGAN POLITIK UNTUK MENGELAKKAN KEKELIRUAN YANG BOLEH MENIMBULKAN PERASAAN TIDAK YAKIN DI KALANGAN PEMEGANG SAHAM.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN URUSAN SEBARANG PERNIAGAAN HENDAKLAH DIASINGKAN SAMA SEKALI DARIPADA POLITIK SUNEGUHPUN KOPERASI ITU KEPUNYAAN SEBUAH PARTI POLITIK DAN AHLI-NYA JUGA ANGGOTA PARTI YANG SAMA.

+ JIKA KITA MEMAKAI DUA TOPI IAITU MENJADI AHLI LEMBAGA PENGARAH KOPERASI DAN JUGA DALAM POLITIK, KITA KADANGKALI KELIRU DAN L U P A DENGAN PERANAN SEBENAR KITA.

+ DALAM KEKELIRUAN ITU BANYAK YANG BOLEH BERLAKU. PELUANG ATAU KEDUDUKAN DALAM KOPERASI ITU DIGUNAKAN UNTUK POLITIK KITA DAN DALAM PROSES INI PENGURUSAN SEBENAR KOPERASI DILUPAKAN, + TEGASNYA SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-ENAM KOOP BERSATU -KEMPYAN UMNO DI HOTEL SUBANG VIEW DI SUBANG JAYA.

PRESIDEN UMNO ITU JUGA BIMBANG JIKA KEGIATAN ITU DIBENARKAN BERLAKU, PARA LEMBAGA PENGARAH KOPERASI AKAN MENGGUNAKAN KOPERASI ITU UNTUK MENDAPATKAN KEDUDUKAN DALAM PARTI DAN JUGA Mencari KEUNTUNGAN, UNTUK DIRI SENDIRI. -- LAGI

MAHATHIR - BERSATU 2 PETALING JAYA

+ SEGALA URUSAN KOPERASI MESTI DIBUAT MENEGASI LEMBAGA. TIDAK HARUS TERDAPAT SEBARANG RAHSIA SEHINGGA TIMBUL PERASAAN CURIGA PEMEGANG SAHAM.

+ JIKA INI BERLAKU SUDAH TENTU BERLAKU KEMUNGKINAN KOPERASI ITU GAGAL DAN MENJEJASKAN PELABURAN YANG DIBUAT OLEH PARA PEMEGANG SAHAM, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN PENTINGNYA PENGURUSAN YANG CEKAP DAN AMANAH DALAM MENJALANKAN KOPERASI DARI PERINGKAT LEMBAGA PENGARAH, PARA PEGAWAI PENGURUSAN DAN LAIN-LAIN KAKITANGAN.

KATANYA, MEREKA YANG INGIN MENGURUS KOPERASI HENDAKLAH BERTANYAKAN DIRI SENDIRI APAKAH SUMBANGAN JANGKA PANJANG YANG HARUS DIBERIKAN UNTUK ANGGOTA KOPERASI DAN BUKAN MENDAPATKAN PELUANG UNTUK DIRI SENDIRI.

+ KHUTBAH INI JUGA SAYA TUJUKAN KEPADA DIRI SAYA. JIKA NAK LAMA BERKHIDMAT, JANGAN FIKIR UNTUK MENGAUT KEUNTUNGAN DALAM MASA JANGKA PENDEK. +

BELIAU TIDAK PUAS HATI DENGAN JUMLAH PELABUR DALAM KOOP BERSATU YANG DISIFATKAN PERJALANANNYA AGAK +TEMPANG+ MUNGKIN KERANA KURANG KEYAKINAN TERHADAP PENGURUSAN. -- LAGI

KATANYA, MODAL YANG DIKUMPUL DARIPADA ANGGOTA KOOP BERSATU CUMA \$12 JUTA BERBANDING DENGAN \$300,000 JUTA YANG DIKUMPUL OLEH MULTI-PURPOSE HOLDINGS KEPUNYAAN MCA DAN \$100 JUTA OLEH MAIKA HOLDINGS TAJAAN MIC.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MAHU ANGGOTA UMNO DAN ORANG MELAYU MELABUR DALAM KOOP BERSATU DAN TIDAK CUNA BERPUAS HATI DENGAN HARTA YANG DIPEROLEHI MEMERUSI SYARIKAT IDRIS HYDRAULIC DAN BUNGSAR HILL DEVELOPMENT.

SEBELUM ITU PENGURUS LEMBAGA PENGARAH KOOP BERSATU, DATUK HARUN IDRIS BERKATA MENJELANG 30 JUN LALU, KOPERASI TELAH MENCATAT KEUNTUNGAN \$8.6 JUTA DAN HARTANYA BERTAMBAH KEPADA \$250 JUTA.

BELIAU YAKIN KEUNTUNGAN KOOP AKAN BERTAMBAH DI MASA AKAN DATANG DENGAN RAMAINYA ORANG MELAYU DAN ANGGOTA UMNO MENJADI ANGGOTANYA. -- BERNAMA